

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN

TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status penglibatan Kerajaan Malaysia dalam siasatan insiden MH17 dan MH370 dan berapa kos yang telah dibelanjakan untuk operasi tersebut.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Insiden Pesawat MH17

1. Berhubung dengan insiden pesawat MH17, Malaysia merupakan anggota Pasukan Siasatan Bersama MH17 iaitu *Joint Investigation Team* (JIT) bersama-sama dengan Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine di mana Malaysia terlibat dalam proses siasatan terhadap tragedi MH17. Keahlian Malaysia dalam JIT telah memberi Malaysia akses kepada maklumat siasatan yang dikongsi bersama oleh semua ahli JIT termasuk Malaysia. Malaysia terus komited untuk bersama-sama mencari keadilan bagi kesemua mangsa.
2. Malaysia juga menandatangani Memorandum Persefahaman bagi menyatakan sokongan politik dan kewangan bagi tujuan mengeratkan bekerjasama bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 dihadapkan ke muka pengadilan negara-negara yang diwakili dalam JIT.
3. MOU Sokongan Politik iaitu *Memorandum Of Understanding Between the Government of Australia, the Government of the Kingdom of Belgium, the Government of Malaysia, the Government of the Netherlands and the Government of Ukraine Regarding Political Support For Prosecuting The Perpetrators of the Downing of Flight MH17 on 17 July 2014* telah ditandatangani semasa *United Nation General Assembly* (UNGA) pada 20 September 2017 selaras dengan resolusi *United Nation Security Council* 2166 yang dikeluarkan pada 21 Julai 2014 yang antara lain telah memutuskan agar semua negara bekerjasama bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 dihadapkan ke muka pengadilan.
4. Manakala MoU Sokongan Kewangan iaitu *Memorandum Of Understanding Between the Government of Australia, the Government of the Kingdom of Belgium, the Government of Malaysia,*

the Government of the Netherlands and the Government of Ukraine Regarding Financial Support For Prosecuting The Perpetrators of the Downing of Flight MH17 on 17 July 2014 pula telah ditandatangani pada 22 Januari 2019. Tujuan MoU Sokongan Kewangan MH17 ini antaranya ialah untuk mencari bukti dan akhirnya mendakwa pihak-pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 di Mahkamah Belanda. MoU Sokongan Kewangan ini telah ditandatangani pada kelima-lima negara yang diwakili dalam JIT iaitu Malaysia, Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine.

5. Komitmen sumbangan Malaysia terhadap kos perbelanjaan pendakwaan nasional bagi tragedi MH17 yang akan bermula pada 9 Mac 2020 iaitu sebanyak Euro 17.82 juta / RM85.5 juta (*trial in absentia*) atau Euro 29.16 juta / RM139.92 juta (*trial with accused present*) bagi tempoh perbicaraan selama 6 tahun.

Insiden Pesawat MH370

6. Selanjutnya, berhubung insiden pesawat MH370, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan satu Pasukan Penyiasat Bebas Antarabangsa pada 25 April 2014 yang dikenali sebagai *Malaysian International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13 Safety Investigation Team For MH370*) bagi menyiasat punca kemalangan udara pesawat MH370 pada 8 Mac 2014. Pasukan penyiasat ini dianggotai oleh 19 orang pakar dari Malaysia dan 7 *accredited representatives* daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan 2 negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota Pasukan Penyiasat yang terpilih adalah dilantik berdasarkan kepakaran mereka.
7. Objektif utama penyiasatan ini adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca kemalangan dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa dan juga mengelakkan kemalangan pada masa hadapan. Dalam hubungan ini, penyiasatan yang dilaksanakan tidak bertujuan untuk menyatakan kesalahan atau liabiliti (*not for the purpose to apportion blame or liability*). Siasatan kemalangan dan insiden pesawat

dilaksanakan berlandaskan *Annex 13 (Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Incident Investigation)* bermula 25 April 2014 hingga 29 Mei 2018.

8. Pasukan penyiasat sebelum ini telah mengeluarkan *Interim Statements* pada ulang tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat kehilangan pesawat berhubung dapatan awal siasatan. Ketiga-tiga laporan ini hanya memperincikan fakta-fakta kejadian berdasarkan maklumat yang diperolehi pada waktu tersebut.
9. Dalam hubungan ini, pasukan penyiasat telah mengemukakan Laporan Siasatan Kemalangan Udara Pesawat MH370 kepada YB Menteri Pengangkutan dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Julai 2018 lalu. Jemaah Menteri telah diberikan taklimat oleh Ketua Penyiasat dan telah mengambil maklum akan hasil penemuan laporan siasatan tersebut. Laporan ini telah dikeluarkan untuk makluman umum dan boleh diakses dari laman sesawang Kementerian mulai 30 Julai 2018.
10. Jumlah keseluruhan kos yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan bagi melaksanakan operasi pencarian bagi tujuan mengesan lokasi pesawat MH370 dalam tempoh di antara Mac 2014 hingga Januari 2017 adalah sebanyak **RM464,515,641.74**.

Sekian, terima kasih.